




**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan  
Perubahan Iklim  
**(Ministry of Energy, Science, Technology, Environment &  
Climate Change)**  
Batu 24, Jalan Dengkil,  
43800, Dengkil, Selangor



4 September 2019  
Notis Pemberitahuan LPTA  
Bil. 05/ 2019

**CETAKAN SENDIRI SIJIL LULUS PEPERIKSAAN PERSIJILAN PEGAWAI  
PERLINDUNGAN SINARAN SECARA ATAS TALIAN MELALUI SISTEM  
PERLESENAN DAN PENGUATKUASAAN [eLesen – eSPP (i-Exam)].**

**TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan calon yang lulus peperiksaan Persijilan Pegawai Pelindungan Sinaran (PPS) mengenai cetakan dan pengeluaran Sijil Lulus Peperiksaan Persijilan PPS melalui sistem atas talian iaitu Sistem Perlesenan dan Penguatkuasaan [eLesen-eSPP (i-Exam)].

**LATAR BELAKANG**

2. Sistem atas talian eLesen-eSPP dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pemegang lesen dan juga kepada orang awam yang berurusan dengan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) termasuk calon yang telah lulus peperiksaan PPS. Melalui penggunaan eLesen-eSPP (i-Exam), calon dapat mencetak sijil lulus peperiksaan ini dengan sendiri tanpa melalui penghantaran secara pos seperti diamalkan sekarang. Kaedah ini dapat memberi ruang kepada calon untuk mencetak sijil lulus peperiksaan ini di mana sahaja mereka berada dan ia lebih mudah, pantas dan berkesan.

3. Bagi menjamin tahap keaslian sijil yang dicetak sendiri tersebut dan memastikan sijil hanya boleh dicetak oleh calon itu sendiri melalui sistem eLesen – eSPP (iExam), satu ciri keselamatan dalam bentuk ID calon (rujuk **LAMPIRAN 1**) akan dijana oleh sistem dan digunakan oleh calon tersebut.
4. Sebaik sahaja markah peperiksaan calon selesai dikira secara rasmi, ia akan dimuatnaik ke dalam sistem eLesen – eSPP (i-Exam) dan calon boleh melihat keputusan ini melalui eLesen-eSPP (i-Exam) dan mencetaknya di mana sahaja mereka berada.

### **ARAHAN LPTA**

5. Selaras dengan hasrat untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, LPTA telah memutuskan dan membuat arahan bahawa Sijil Lulus Peperiksaan PPS tidak lagi akan dicetak, dikeluarkan dan dihantar kepada pemohon setelah keputusan kelulusan calon diumumkan melalui eLesen-eSPP (iExam). Bagi memudahkan proses pemeriksaan oleh LPTA, calon hendaklah mencetak sendiri Sijil Lulus Peperiksaan PPS menerusi sistem eLesen-eSPP (iExam).

### **PENGUATKUASAAN ARAHAN**

6. Keputusan dan arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

### **PENUTUP**

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,  
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim  
Batu 24, Jalan Dengkil  
43800 Dengkil, Selangor  
No. Tel : +603-89225888  
No. Faks : +603-89223685  
E-mel : [corporate@aelb.gov.my](mailto:corporate@aelb.gov.my)  
Laman Web : [wwwaelb.gov.my](http://wwwaelb.gov.my)

## LAMPIRAN1

8/2/2019

Peperiksaan – Sijil Peperiksaan AEIB

No Siri : 30/5895

ID Calon



### LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM

#### SIJIL PEPERIKSAAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN

Sijil ini dianugerahkan kepada

#### NAMA PEKERJA

telah lulus  
Peperiksaan Pegawai Perlindungan Sinaran

#### TAHAP 3 - INDUSTRI

Tarikh:  
**18/04/2011**

**Ketua Pengarah**  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Tenaga, Sains,  
Teknologi, Alam Sekitar  
dan Perubahan Iklim



Ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan.

Sebarang verifikasi terhadap sijil ini boleh dilakukan dengan menghubungi/  
Bahagian Penilaian dan Perlesenan, Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom